



TERBITAN
80

2023
30 OKT

SIDANG REDAKSI

Penasihat:
Ooi Kee Beng

Penyunting:
Izzuddin Ramli

Penolong Penyunting:
Sheryl Teoh

Pereka Grafik:
Nur Fitriah

© Hak cipta adalah milik pengarang.

Segala fakta dan pendapat adalah di bawah tanggungjawab pengarang. Pandangan dan tafsiran pengarang tidak semestinya mencerminkan pandangan rasmi penerbit.

Penerbitan semula karya ini adalah dengan izin pengarang.

PENANG
INSTITUTE
making ideas work

10 Brown Road
10350 George Town
Penang, Malaysia

(604) 228 3306
www.penanginstitute.org
suaranadi@penanginstitute.org

SUARANADI

PENANG INSTITUTE

Rindu Anak Perantau

Nurul Ismawi

Diterjemahkan oleh: Rahida Aini

SETIAP kali menaiki pesawat dan memandang ke bawah, aku sedar bahawa alam sentiasa menyembuhkan. Di bawah sana, di dataran hijau, sungai-sungai berlingkaran bagai ular. Terasa seperti ingin sahaja ditelan oleh salah seekor daripada ular tersebut.

Jikalau ada satu perkara tentang generasiku yang aku banggakan, perkara itu adalah bahawa kami tidak dapat lari daripada memahami cara otak bekerja. Tuduhan-tuduhan kasar seperti “gila” atau “sewel” dibedah dan dikaji menggunakan alat perubatan moden. Kami menerimanya dengan bangga. Mungkin salah satu sebabnya adalah kita sering menggunakan teori psikoanalisis dalam membaca teks sastera, terutamanya semasa tahun pertama pengajian sastera di universiti. Kata-kata seperti “penulis ini mempunyai keresahan,” disebut-sebut oleh para pelajar sastera di seluruh dunia, tanpa menghiraukan bahawa pada suatu hari nanti keresahan itu akan menjadi teman. Ia menjadi teman setia sehinggakan aku turut menari bersamanya, belajar bahasa cintanya agar kami dapat memahami satu sama lain dengan lebih baik. Aku kini sedar bahawa keresahan mendambakan rumahnya.

Aku takut pada ketinggian dan air. Bagi seorang perempuan yang senantiasa resah

setiap kali ingin menaiki kapal terbang, perasaan ketika keluar daripada rumah seperti ingin melompat tali bungee. Aku terasa seperti dipaksa menjadi kelu ketika berada di dalam kapal terbang. Selain hidup di sebuah wilayah yang dikelilingi air dan terkenal dengan sejarah perairannya, perkara paling malang adalah, aku lahir dan dibesarkan di pulau Borneo, sebuah pulau kecil, sekecil pulau British yang terletak di sebelah tenggara Asia Tenggara. Jadi, jika ingin ke mana-mana, aku perlu terbang, atau mungkin pada masa hadapan ada kapal atau feri yang boleh membelah laut semenanjung dan Borneo.

Jangan salah faham, bukannya aku tidak bersyukur kerana dilahirkan sebagai anak jati Borneo, tetapi nasibku malang kerana dilengkapi dengan kelengkapan yang tidak diperlukan. Rasa resah terhadap air dan ketinggian terasa seperti anting-anting candelier yang berat seperti sauh di mana sahaja aku berada.

Walau bagaimanapun, kerana tanggungjawab, aku perlu ke sana sini. Biar pun perasaan untuk menetap di tanah besar selalu ada agar tubuhku tidak menjadi resah kerana perlu terbang, aku akan selalu pulang ke ibu pertiwi—untuk mengubat kesakitan. Sementara sedang dirawat, aku tertanya-tanya adakah keresahan itu

berpunca daripada keterpisahan seseorang itu dengan ibu pertiwinya.

Apakah sebenarnya ibu pertiwi? Seberapa ketaranya sebuah ibu pertiwi? Bagi sesetengah orang, ibu pertiwi adalah tanah dengan maksud harfiah—sarang yang melindungi orang yang baru lahir sehinggalah orang itu pula bersedia melindunginya kembali. Ia merupakan sebidang tanah—bersempadan atau tidak—yang sesiapa sahaja boleh jejak. Sebuah ibu pertiwi mempunyai rumah, dan sebuah rumah memiliki alamat. Rumah memiliki ibu. Rumah bukanlah tempat untuk melarikan diri.

Makna rumah biasanya lebih puitis kalau dijelaskan oleh para penulis Arab. Alasannya mungkin kerana bakat bahasa mereka, tetapi apa yang lebih penting adalah sebahagian daripada mereka memaknakan “rumah” dan rasa “kepunyaan” secara kabur. Lihat Mahmoud Darwish, seorang penyair Palestin misalnya. Semasa hidup dalam buangan di Beirut, perkara yang paling membuatkan dia berasa nyaman adalah kopi yang enak. Hanya kopi yang enak yang mampu membuatnya merenung tentang rumah yang sudah tiada. Bagi Naguib Mahfouz pula, rumah bukanlah tempat seseorang itu lahir, tetapi sebuah tempat yang kita cuba larikan diri.

Keresahan yang dirasai Darwish tidak menjadikannya seorang penulis yang melawan. Pengasingannya ke Beirut dan Paris menguatkan lagi kekeliruannya tentang identiti,

tentang krisis eksistensial yang membuatnya tertanya-tanya adakah hidup berbaloi untuk dicuba. Mati di tanah tempat dia tidak diterima seakan-akan boleh ditanggung, namun sebahagian daripada dirinya mahu rakyatnya bertambah ramai, meneruskan nama keluarga walaupun kesusahan untuk generasi akan datang tidak dapat dielakkan. Untuk hidup di tanah di mana dia tidak dikehendaki adalah suatu perjuangan, Namun dia tidak mahu berjuang kerana ia menjadi persoalan etika. Darwish mempunyai ibu pertiwi, dan ia adalah rumah yang mungkin dapat mengubati keresahannya.

Tidak seperti Darwish, mungkin tiada seorang pun daripada kita yang bangun pada pagi ini tertanya-tanya sama ada kota kita akan dibedil. Namun kebanyakan daripada kita mungkin menyuarakan kerinduannya terhadap rumah, sebuah kampung halaman yang berfungsi sebagai penanda. Memang benar bagi kebanyakan orang Borneo—segala pemikiran tentang kaum dan etnik tidak berfungsi sebagai label. Aku merupakan seorang Melayu, tetapi aku pernah melihat gambar moyangku yang memiliki tatu bungai terung di tubuhnya. Sekarang, rasa kepunyaan itu menjadi serantau, menjadi “orang Borneo.”

Untuk tidak membandingkan keresahanku dengan Darwish, aku seorang perempuan dari Borneo, seperti perempuan Borneo lain yang ditakdirkan untuk menetap di tanah besar, yang hancur kerana rindu kampung halaman.



Nurul Ismawi adalah seorang penulis dan penyair. Beliau sedang mengikuti pengajian pada peringkat sarjana dalam bidang Kesusasteraan Dunia di Universiti Putra Malaysia.